



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
Aras 13, Blok C1, Kompleks C
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62510 W.P. PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel: 603-80008000
Faks (Fax): 603-88892187
Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Rujukan: JPA.(S).100-1/3/3 (8)

Tarikh : 9 Ogos 2022

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan
Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

PEMERKASAAN PENGGUNAAN BAHASA MELAYU DALAM PERKHIDMATAN AWAM

Dengan segala hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan sedia maklum, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa sesi soal jawab di Dewan Negara pada 23 Mac 2022 dan di Simposium Pengantarabangsaan Bahasa Melayu pada 22 Mei 2022 telah menetapkan supaya bahasa Melayu dimantapkan penggunaannya dalam perkhidmatan awam.

3. Selaras dengan ketetapan ini, **Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM), Ceraian PO.1.1.1: Pemerkasaan Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Perkhidmatan Awam** diperkenalkan untuk memberi penekanan terhadap penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi perkhidmatan awam termasuk yang melibatkan penyertaan bukan warganegara.

4. Walau bagaimanapun, bahasa Inggeris masih boleh digunakan dalam keadaan tertentu atas keperluan perundangan dan juga dalam sebarang urusan yang boleh menjejaskan kelancaran penyampaian perkhidmatan.

5. Bagi mendepani cabaran masa kini dan masa hadapan, bahasa Melayu dan bahasa Inggeris perlu dimantapkan penguasaannya dalam kalangan pegawai awam. Pendekatan ini penting bagi memastikan perkhidmatan awam kekal berdaya saing di peringkat antarabangsa dan mendokong pengukuhan serta kemampan ekonomi negara.


6. Ceraian ini berkuat kuasa mulai tarikh surat ini dikeluarkan.

7. Surat Edaran ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI MOHD SHAFIQ BIN ABDULLAH)

s.k.:

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali
Ketua Setiausaha Negara